



**TERMS AND CONDITIONS OF PROVISIONAL CREDIT DUE TO FRAUDULENT TRANSACTION REPORT
TERMA DAN SYARAT KREDIT SEMENTARA BERIKUTAN LAPORAN TRANSAKSI PENIPUAN**

1.0 ACCEPTANCE OF FACILITY

1.1 This Provisional Credit facility ("Facility") is deemed accepted by the Customer upon the Customer ticked (/) the 'ACCEPT' column and signed the Dispute Form provided by Bank Islam or acceptance of the Letter of Offer, whichever applicable.

1.2 This Facility will only be disbursed after Bank Islam received a copy of the police report regarding the fraudulent or unauthorised transaction. If the police report is not received within fourteen (14) working days from the fraud reporting date, then this Facility will automatically be considered as void.

2.0 SHARIAH CONTRACT

This Facility is applying the Shariah contract of Qard (loan without interest).

3.0 FACILITY AMOUNT

3.1 The Facility amount refers to the disputed transaction amount involved in the fraudulent report.

3.2 If the investigation continues beyond fourteen (14) working days from the fraud reporting date, Bank Islam will disburse up to full Facility amount of RM5,000, whichever is lower.

3.3 In the event the investigation cannot be concluded within thirty (30) working days from the fraud reporting date, Bank Islam will pay remaining Facility amount which have not been paid as per clause 3.2 (if any) to the Customer no later than thirty (30) working days from the fraud reporting date.

3.4 Notwithstanding with clause 3.2 and 3.3, Bank Islam may pay the full Facility amount (even if the disputed amount exceeds RM5,000) after fourteen (14) working days from the fraud reporting date.

3.5 Disbursement or refund (for credit card fraud case) of the Facility amount will be made to Customer's account as stated in the Dispute Form or Letter of Offer, whichever applicable.

4.0 REPAYMENT TERM

4.1 This Facility shall be repaid by the Customer if the investigation result of the alleged fraudulent or unauthorised transactions reported by the Customer concludes that the Customer shall be liable for all or part of the fraudulent amount involved.

1.0 PENERIMAAN KEMUDAHAN

1.1 Kemudahan Kredit Sementara ("Kemudahan") ini akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan menanda (/) pada kotak 'TERIMA' dan menandatangani Borang Percanggahan yang telah disediakan oleh Bank Islam atau penerimaan Surat Tawaran, yang mana berkenaan.

1.2 Kemudahan ini hanya akan dibayar setelah Bank Islam menerima salinan laporan polis berkenaan transaksi penipuan atau tanpa kebenaran. Jika laporan polis tersebut tidak diterima dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh laporan penipuan, maka dengan sendirinya Kemudahan ini adalah dianggap batal.

2.0 KONTRAK SYARIAH

Kemudahan ini menggunakan kontrak Syariah Qard (pinjaman tanpa faedah).

3.0 AMAUN KEMUDAHAN

3.1 Amaun Kemudahan adalah merujuk kepada jumlah transaksi yang dipertikaikan yang terlibat dengan laporan penipuan.

3.2 Jika siasatan berlanjutan melangkaui tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh laporan penipuan, Bank Islam akan membayar sehingga jumlah penuh jumlah Kemudahan atau RM5,000, yang mana lebih rendah.

3.3 Sekiranya siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh laporan penipuan, Bank Islam akan membayar baki jumlah Kemudahan yang belum dibayar mengikut klausa 3.2 (jika ada) kepada Pelanggan tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh laporan penipuan.

3.4 Tidak tertakluk pada klausa 3.2 dan 3.3, Bank Islam boleh membayar keseluruhan amaun Kemudahan (walaupun amaun tersebut melebihi RM5,000) selepas empat belas (14) hari bekerja dari tarikh laporan penipuan.

3.5 Pengeluaran atau pembayaran semula (bagi kes penipuan kad kredit) Kemudahan jumlah akan dibuat ke akaun Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Borang Percanggahan atau Surat Tawaran, yang mana berkenaan.

4.0 SYARAT PEMBAYARAN BALIK

4.1 Kemudahan ini perlu dibayar balik oleh Pelanggan jika hasil siasatan terhadap dakwaan transaksi penipuan atau tanpa kebenaran yang dilaporkan oleh Pelanggan menyimpulkan bahawa Pelanggan perlu bertanggungjawab ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada amaun penipuan yang terlibat.



<p>4.2 Repayment Notice will be issued by Bank Islam to the Customer to demand for the repayment of Facility after the investigation result is concluded.</p> <p>4.3 The repayment shall be made commencing from the date of Repayment Notice as sent by Bank Islam to the Customer.</p> <p>4.4 The repayment term (if applicable) is as indicated in the Dispute Form or Letter of Offer agreed upon by the Customer, either in lump sum or monthly instalment. The monthly instalment shall not exceed five (5) years tenure.</p> <p>4.5 Failure to comply with terms in the Repayment Notice will trigger Event of Default.</p>	<p>4.2 Notis Bayaran Balik akan dikeluarkan oleh Bank Islam kepada Pelanggan untuk menuntut bayaran Kemudahan setelah hasil siasatan disimpulkan.</p> <p>4.3 Bayaran balik tersebut perlu dibuat bermula dari tarikh Notis Bayaran Balik yang akan dihantar oleh Bank Islam kepada Pelanggan.</p> <p>4.4 Tempoh bayaran balik (jika berkenaan) adalah seperti dalam Borang Percanggahan atau Surat Tawaran yang telah dipersetujui oleh Pelanggan, sama ada secara sekaligus atau ansuran bulanan. Ansuran bulanan tidak boleh melebihi tempoh lima (5) tahun.</p> <p>4.5 Kegagalan untuk mematuhi terma-terma dalam Notis Bayaran Balik akan mencetuskan Kejadian Mungkir.</p>
<p>5.0 DEFAULT</p> <p>If the Customer fails to repay the Facility in the following situation, whichever earlier:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. According to the repayment tenure; or ii. After six (6) months from the date of final investigation decision issued by Bank Islam or Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) decision if customer refer to FMOS; <p>Bank Islam will report the outstanding Facility into the Central Credit Reference Information System (CCRIS) as unreturned Provisional Credit.</p>	<p>5.0 MUNGKIR</p> <p>Jika Pelanggan gagal membayar balik Kemudahan dalam keadaan berikut, yang mana terdahulu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengikut tempoh bayaran balik; atau ii. Selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan siasatan akhir yang dikeluarkan oleh Bank Islam atau keputusan FMOS jika pelanggan merujuk kepada FMOS; <p>Bank Islam akan melaporkan Kemudahan yang belum dijelaskan ke dalam CCRIS sebagai Kredit Sementara yang belum dikembalikan.</p>
<p>6.0 FINANCIAL MARKETS OMBUDSMAN SERVICE (FMOS)</p> <p>If the Customer is not satisfied with the outcome of the investigation, Customer may refer to FMOS for dispute resolution within six (6) months from the date of final investigation decision. Bank Islam will send to the Customer another Repayment Notice to demand for the repayment after Bank Islam received the FMOS concluded investigation result in favour of Bank Islam.</p>	<p>6.0 FINANCIAL MARKETS OMBUDSMAN SERVICE (FMOS)</p> <p>Jika Pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil siasatan, pelanggan boleh merujuk kepada FMOS untuk penyelesaian pertikaian dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan penyiasatan akhir. Bank Islam akan menghantar satu lagi Notis Bayaran Balik kepada Pelanggan untuk menuntut pembayaran balik selepas Bank Islam menerima keputusan penyiasatan FMOS yang memihak kepada Bank Islam.</p>
<p>7.0 RIGHT TO DEBIT ACCOUNT</p> <p>The Customer agrees that Bank Islam by giving sufficient notice shall have the right to debit the Customer's current or any other account(s) maintained with Bank Islam (including to liquidate account which give effects to premature redemption) for payment of any Profit and/or principal due and payable to Bank Islam, Takaful contribution, fees, charges and any other monies due and payable under the Facility, as stated in any terms and conditions, product disclosure sheet, Bank Islam's corporate website and/or as communicated by Bank Islam from time to time.</p>	<p>7.0 HAK UNTUK MENDEBITKAN AKAUN</p> <p>Pelanggan bersetuju bahawa Bank Islam, dengan memberi notis secukupnya berhak untuk mendebitkan akaun semasa Pelanggan atau mana-mana akaun lain dengan Bank Islam (termasuk menutup akaun yang akan menyebabkan penebusan pramatang) bagi pembayaran apa-apa Keuntungan dan/atau prinsipal yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank Islam, sumbangan Takaful, fi, caj dan apa-apa wang lain yang terhutang dan perlu dibayar di bawah Kemudahan ini, seperti yang dinyatakan dalam mana-mana terma dan syarat, lembaran maklumat produk, laman web korporat Bank Islam dan/atau seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.</p>